

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SOALAN LAZIM PELAJAR TEMPATAN PASCASISWAZAH MOD PENYELIDIKAN BERKENAAN YURAN BAGI PENANGGUHAN PENGAJIAN SEMESTER 2 2019/2020 SEWAKTU PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN(PKP)

1. Saya pelajar kanan Pasca siswazah Penyelidikan telah membuat bayaran penuh semasa pendaftaran semester tempoh hari, namun saya ingin membuat penangguhan pengajian, bagaimana dengan bayaran yuran yang telah saya bayar? Jika ada pelarasan, berapakah jumlah yang akan saya perolehi semula / atau bawa ke semester hadapan? Boleh terangkan bagaimana pengiraan Pro rata yang dimaklumkan sebelum ini?
 - i. **Pelajar yang telah membuat bayaran penuh dan diluluskan untuk penangguhan, hanya dikehendaki membuat bayaran yuran perkuliahan 50% sahaja.**
 - ii. **Yuran Pelbagai lain (perkhidmatan, insurans, kesihatan, kebajikan & aktiviti pelajar) perlu dijelaskan sepenuhnya.**
 - iii. **Pelarasan akan dibuat ke atas invois Semester 2 2019/2020 dan lebih bayaran 50% yuran perkuliahan tersebut akan dibawa ke yuran semester hadapan dengan menolak bayaran yuran Semester 1 2020/2021.**

(kelulusan Mesyuarat JKPU Kali ke 132 bil 8/2020 bertarikh 6.5.2020)

2. Saya pelajar kanan Pasca siswazah Penyelidikan telah membuat bayaran separuh semasa pendaftaran semester tempohhari, adakah saya layak untuk memohon tanggung pengajian? Adakah saya perlu membuat bayaran penuh terlebih dahulu dan baru boleh memohon?

Pelajar yang telah membuat bayaran separuh daripada yuran perkuliahan dan bayaran penuh untuk yuran pelbagai lain bagi Semester 2 2019/2020 dibenarkan untuk membuat penangguhan tanpa perlu membuat bayaran penuh.

3. Saya pelajar kanan Pasca siswazah Penyelidikan masih belum membuat bayaran yuran dan masih belum mendaftar, adakah saya layak untuk memohon tanggung pengajian? **Pelajar yang belum mendaftar adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik Pelajar sedia ada dibawah pihak Institut Pengajian Siswazah.**

4. Saya pelajar kanan Pasca siswazah Penyelidikan yang mempunyai penaja, adakah saya layak untuk memohon untuk tangguh pengajian?
Pelajar berpenaja dinasihatkan untuk menghubungi penaja masing-masing untuk pengesahan. Sekiranya pelajar diluluskan penangguhan pengajian dan pihak penaja telah membuat bayaran penuh kepada UMP, lebih bayaran tersebut akan dikembalikan kepada pihak penaja.

5. Saya pelajar kanan Pasca siswazah Penyelidikan yang mendapat elaun GRS , DRS adakah saya layak untuk memohon untuk tangguh pengajian?
Pelajar yang telah mendapat elaun bulanan tidak dibenarkan untuk membuat penangguhan. Namun jika pelajar masih perlu membuat penangguhan, pelajar perlu memulangkan kembali elaun yang telah diterima sebelum dibenarkan untuk membuat penangguhan pengajian.

6. Saya bakal pelajar baharu yang akan mendaftar Jun nanti, adakah ada pengurangan yuran disebabkan perubahan kaedah pembelajaran kerana covid 19 ini?
Yuran masih dikekalkan seperti sedia ada. Namun jika ada perubahan, pihak kami akan maklumkan dari masa ke semasa. Sekiranya ada perubahan, pelarasan ke atas invois yuran akan dibuat dan lebih bayaran akan dibawa ke Semester hadapan dengan menolak bayaran yuran Semester 1 2020/2021.

7. Saya pelajar Pasca siswazah telah membuat bayaran penuh asrama, tetapi disebabkan Covid 19 ini, saya tidak menginap di asrama, adakah terdapat pengurangan kadar yuran asrama?
Yuran masih dikekalkan seperti sedia ada. Namun jika ada perubahan, pihak kami akan maklumkan dari masa ke semasa. Sekiranya ada perubahan, pelarasan ke atas invois yuran akan dibuat dan lebih bayaran akan dibawa ke Semester hadapan dengan menolak bayaran yuran Semester 1 2020/2021.